

# Lampiran Penerangan Produk

## Public Liability Insurance

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Mangan Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Pelanggan sekalian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda maklumat utama mengenai polisi Public Liability Insurance ini.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia membantu; **Anda juga harus membacanya.**

### 1. Apakah Public Liability Insurance?

Polisi ini melindungi liabiliti sah anda terhadap kecederaan diri dan kerosakan harta pihak ketiga yang berlaku berhubung dengan operasi perniagaan sepanjang tempoh insurans dan dalam kawasan penguatkuasaan polisi.

### 2. Ketahui Perlindungan Anda

Anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Polisi ini mengganggu rugi anda terhadap:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a) semua jumlah yang anda dikehendaki membayar di sisi undang-undang sebagai pampasan berkenaan dengan:                                     <ul style="list-style-type: none"> <li>– kecederaan diri kepada mana-mana individu; dan/atau</li> <li>– kerosakan harta.</li> </ul> </li> <li>b) kos dan perbelanjaan dalam pembelaan atau penyiasatan mana-mana tuntutan, guaman atau prosiding yang dibawa terhadap anda tertakluk kepada persetujuan bertulis daripada kami.</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebarang liabiliti:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Di mana anda berhak mendapat pampasan di bawah apa-apa dana, skim, polisi insurans atau insurans sendiri mengikut atau yang dikehendaki oleh apa-apa undang-undang yang berkaitan dengan pampasan pekerja;</li> <li>○ Yang dikenakan oleh apa-apa award industri;</li> <li>○ Berkaitan dengan amalan pekerjaan;</li> </ul> </li> <li>• Kehilangan atau kerosakan harta yang dimiliki, disewa, dipajak atau dipinjam kepada anda atau yang berada dalam jagaan atau kawalan anda</li> <li>• Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi peperangan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara</li> <li>• Pemberontakan, kekacauan awam yang menyerupai atau berjumlah kepada kebangkitan rakyat, kebangkitan tentera, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau kuasa yang dirampas</li> <li>• Liabiliti yang timbul daripada pemilikan mana-mana hoverkraf atau pesawat</li> </ul>
<p>Senarai perlindungan dan pengecualian dalam jadual ini <b>bukan menyeluruh</b>. Sila baca polisi anda untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>	
<p><b>Tempoh perlindungan ialah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.</b></p>	

### 3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans ini dan sebarang perlindungan tambahan/pilihan yang diminta, jumlah premium yang tepat akan ditentukan berdasarkan pelbagai faktor, termasuk aktiviti perniagaan anda/ skop kerja terperinci, tempoh polisi, anggaran perolehan tahunan/nilai kontrak, lokasi risiko, Had Ganti Rugi serta sejarah kerugian dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

Sila hubungi kami/perantara perkhidmatan anda untuk mendapatkan sebut harga.

#### **Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:**

Duti setem (jika berkenaan)	RM 10.00
Komisen (jika berkenaan)	Maksimum sehingga 25% daripada premium
Caj lain yang dikenakan	Cukai perkhidmatan 8%

### 4. Terma Utama Lain

- Kewajipan pendedahan anda  
Sebelum kontrak polisi ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada kami apa-apa perkara yang:  
(a) Anda tahu relevan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan digunakan; atau  
(b) seseorang yang munasabah dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.
- Anda mesti memastikan bahawa had ganti rugi yang sesuai diambil kira.
- Terdapat jumlah Lebihan yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan.
- Polisi ini tertakluk kepada waranti premium 60 hari, iaitu premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika gagal, polisi dibatalkan secara automatik dan enam puluh (60) hari premium prorata akan dibayar kepada Penanggung Insurans.
- Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada kami mengenai tuntutan tersebut secepat mungkin selepas anda mengetahuinya.

**Nota:** Senarai ini **bukan menyeluruh**. Sila baca polisi anda untuk terma dan syarat penuh.

### 5. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak menerima bayaran balik prorata premium untuk Tempoh Polisi yang belum tamat, tertakluk kepada terma dan syarat polisi.

Jika terdapat apa-apa percanggahan di antara versi Bahasa Melayu dengan versi Bahasa Inggeris Lampiran Penerangan Produk ini, maka versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

---

Jika Anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans Anda, Anda boleh:

Hubungi Kami di: 603-2058 3000

Lawati Kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>

E-mel Kami di: [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)